

E-BULETIN
EDISI
2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau



e-BULETIN
2023

FAKULTI
PENGURUSAN
& PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



BENARKAH GAJI MINIMA HANYA MEMBERI KELEBIHAN KEPADA PEKERJA ASING?

*Sharfizie Mohd
Sharip, Nor'Azurah
Md Kamdari &
Farrah Othman*

*Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan*

*UiTM Cawangan Negeri
Sembilan Kampus Rembau*

Isu gaji minima menjadi topik hangat yang mula diperkatakan oleh banyak pihak setelah kerajaan membuat pengumuman sekaligus arahan ini telah diwartakan sebagai Warta Kerajaan Persekutuan. Ternyata isu gaji minima ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dibincangkan kerana ianya meliputi pelbagai aspek dan penglibatan antara kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja perlulah mendapat kesepakatan yang bijaksana dan sudah pastinya yang harmoni.

Sungguhpun pelaksanaan gaji minimum ini dilihat memberi kesan yang sangat baik kepada ekonomi negara dan khususnya bertujuan memberi perlindungan kepada pekerja yang menerima gaji terendah, namun dalam masa yang sama ianya turut menyumbang kepada pendapatan warga asing yang bekerja di Malaysia. Rentetan dari itu, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) menyifatkan pelaksanaan gaji minimum ini tidak akan memanfaatkan pekerja tempatan, sebaliknya lebih memberi keuntungan kepada pekerja asing di negara ini. Ini adalah kerana pekerja asinglah yang lebih ramai dalam pasaran buruh negara dan secara purata, pendapatan dikalangan pekerja asing ini adalah mencukupi untuk mereka menyara dan meneruskan kehidupan di sini.

Apabila pelaksanaan gaji minima ini diperkenalkan, ianya memberi peluang kepada pekerja asing untuk menghantar lebih gaji yang dimiliki ke negara masing-masing. Kaedah yang digunakan adalah melalui pelbagai cara samada melalui

sistem perbankan sedia iaitu sistem rasmi yang diiktiraf kerajaan mahupun melalui kaedah atau cara yang lain. Laporan Bank Negara turut merekodkan hampir setiap tahun kira-kira 34 bilion ringgit wang Malaysia telah dihantar pulang ke negara asal mereka dan jumlah ini adalah jumlah yang sangat besar dan memberikan kesan kepada ekonomi negeri. Jumlah besar ini jika dibelanjakan dalam negara sudah pasti akan meningkatkan ekonomi dan KDNK negara.

Justeru, adakah pelaksanaan gaji minima ini merupakan langkah terbaik yang perlu dikuatkuasakan serta merta ataupun sebaliknya. Sungguh pun kesannya adalah besar kepada kenaikan pendapatan warga tempatan yang berpendapatan rendah, namun pelaksanaannya yang serta merta dilihat adalah tidak sesuai. Oleh yang demikian, satu kajian yang lebih komprehensif perlu dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan hak pekerja warga tempatan tetap terbela.



Gambar hiasan: Kredit katakcomel.my